



Bersama  
Prof Dr Taufiq  
Yap Yun Hin

# Amal tiga rukun dalam berdakwah



**SEBUAH** masjid yang tersergam indah untuk masyarakat Islam di Fukuoka, Jepun.

Dakwah seharusnya dilihat melalui konteks lebih besar. Kaedah dakwah tidak hanya terikat dengan kuliah agama dan tazkirah di masjid atau surau semata-mata, bahkan dakwah juga boleh disampaikan melalui perbuatan atau contoh baik serta akhlak peribadi mulia.

Perbuatan membuat sampah ke dalam tong disediakan adalah satu

contoh dakwah. Sabda Rasullah SAW mafhumnya: "Sesiapa yang menunjukkan kebaikan, maka dia mendapat seperti pahala pelakuya." (*Riwayat Muslim, Abu Daud, at-Tirmidzi dan Ahmad*)

Dewasa ini, medium untuk berdakwah semakin bertambah dan berkembang. Tidak terikat dengan medium konvensional, ramai

pendakwah mula beralih kepada medium media sosial.

Selari dengan perubahan waktu dan gaya hidup masyarakat hari ini, Facebook, Twitter, Instagram serta YouTube menjadi medium baharu bagi pendakwah dalam menyampaikan keindahan agama Islam.

Namun, sebelum terjun ke bidang dakwah, pendakwah seharusnya

memahami rukun dakwah itu sendiri. Islam menyuruh kita supaya berhikmah dalam berdakwah.

Ibnu Qayyim al-Jauziyyah menjelaskan dalam kitab *Madarrijus Salikin*, hikmah itu berdiri dengan tiga rukun iaitu ilmu, hilmu (bijaksana atau santun) dan al-anaah (tidak tergesa-gesa) manakala lawan kepada tiga rukun ini ialah al-jahl (kebodohan), ath-thaisy (gelabah, bertindak melulu) dan al-'ajalah (tergesa-gesa).

Natijah daripada itu, wajib bagi setiap pendakwah memahami serta melengkapkan diri dengan setiap rukun dan sifat berkenaan.

Dai seharusnya mampu mengendalikan diri ketika marah dan tetap santun walaupun dalam keadaan mampu untuk melampiaskan kemarahan.

Mereka juga seharusnya tidak membuat keputusan secara tergesa-gesa dengan hanya berpandukan kepada lahiriah tanpa menyelidiki secara terperinci terlebih dulu.

Firman-Nya bermaksud: "Tidaklah engku

diwajibkan (wahai Muhammad) menjadikan mereka (yang kafir) mendapat petunjuk (kerana kewajipanmu hanya menyampaikan petunjuk), akan tetapi Allah jualah yang memberikan petunjuk (dengan memberi taufik) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya)..." (*Surah al-Baqarah, ayat 272*)

Dalam kita bersemangat menyampaikan dakwah, tanamkanlah pesanan ini di dalam diri kita. Hal ini supaya kita tidak gopoh dalam mengharapkan perubahan orang yang kita dakwahkan.

Seseorang mungkin memerlukan sehari untuk menganalisis, seterusnya menerima dakwah kita manakala yang lain mungkin mengambil waktu sehingga setahun sebelum mereka mampu untuk menghadam dan menerima apa yang disampaikan.

**Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM**

**B**erdakwah kepada agama Allah adalah termasuk dalam ketaatan yang besar kerana ia memerlukan keikhlasan, kesungguhan serta kesabaran yang tinggi untuk menyampaikan kebenaran dan keindahan Islam.

Pada asasnya, dakwah adalah seruan kepada nilai positif serta amal soleh. Kalangan nabi dan rasul yang diutuskan pada setiap zaman adalah dalam rangka untuk menegakkan risalah ini untuk menyelamatkan serta menjamin kesejahteraan manusia.

Firman-Nya bermaksud: "Dan siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah serta mengerjakan amal soleh dan berkata: Sesungguhnya aku adalah daripada orang-orang Islam (orang yang berserah diri)?" (*Surah Fussilat, ayat 33*)